

## **Refleksi Guru-guru Pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Terhadap Program Pengalaman Berasaskan Sekolah**

oleh

**Shasitharan Raman Kutty**  
Institut Perguruan Raja Melewar

### **ABSTRAK**

*Pelbagai usaha telah dijalankan dalam proses menjadikan latihan perguruan lebih bercorak kontekstual dan situated dengan harapan agar guru lulusannya bukan sahaja kukuh dari segi teori bahkan dapat melihat sesuatu isu dan teori pendidikan dalam konteks sekolah sebenar. Trend kini dalam dunia latihan perguruan ialah mendekatkan lagi guru pelatih kepada situasi sebenar sekolah. Satu kaedah yang digunakan untuk memberi pengalaman professional kepada guru-guru pelatih di institut perguruan ialah dengan mengikuti program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). Jangka masa selama 2 minggu diperuntukkan kepada guru pelatih untuk memperoleh pengalaman ini di sekolah. Kertas kerja ini akan cuba mengupas refleksi pengalaman guru-guru pelatih KPLI unit Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Institut Perguruan Raja Melewar (IPRM) ketika mengikuti program PBS. Refleksi pengalaman guru-guru pelatih ini penting memandangkan selama ini guru-guru Bahasa Tamil melihat tugas mengajar mereka lebih relevan di sekolah Tamil. Hasil kajian mendapati guru-guru pelatih mempunyai sikap yang positif terhadap program PBS di sekolah kebangsaan. Guru-guru pelatih juga lebih cenderung untuk memberi idea-idea baru di dalam sesi pembelajaran murid-murid di sekolah.*

### **LATAR BELAKANG**

Refleksi sering digunakan secara intensif di dalam proses pengajaran. Refleksi dianggap sebagai komponen yang penting di dalam meningkatkan profesionalisme guru pelatih mahupun guru di dalam perkhidmatan. Dewey (1983) merupakan pemikir pertama yang memperluaskan konsep refleksi di dalam pendidikan. Kini refleksi telah digunakan sebagai satu komponen utama di dalam pendidikan guru. Richert (1990) berhujah bahawa;

The ability to think about what one does and why - assessing past actions, current situations, and intended outcomes - is vital to intelligent practice, practice that is reflective rather than routine. As the time in the teaching process when teachers stop to think about their work and make sense of it, reflection influences how one grows as a professional by influencing how successfully one is able to learn from one's experiences." (Richert, 1990)

Maka, refleksi adalah penting di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kolb, 1984). Kepentingan menyediakan refleksi terbentuk hasil daripada sesetengah tingkahlaku guru yang hanya menyendiri di dalam konteks pembelajaran murid. Keadaan apabila berhadapan dengan bilangan pelajar-pelajar yang ramai (kadang-kala sehingga lebih daripada 30 orang) menyebabkan kadang-kala guru hampir tidak dapat berfikir tentang apa yang telah dilakukan di dalam proses pengajaran mereka. Namun, kini guru-guru sedar tentang kepentingan membuat

refleksi - yakni menganalisa semula apa yang telah dilakukan di dalam proses pengajaran mereka. Guru-guru tidak boleh hanya bergantung kepada tugas rutin yang dilaksanakan di dalam sekolah seperti merekodkan markah, mengendalikan kes disiplin pelajar-pelajar atau menulis rancangan menajar untuk kelas hari berikutnya. Guru perlu memikirkan tentang cara-cara yang lebih kritikal untuk memperbaiki amalan pengajaran mereka. Cara produktif menulis refleksi dengan mengimbuai kembali apa yang telah dilakukan di dalam proses pengajaran jarang dilakukan (Dewey, 1933).

## **TINJAUAN LITERATUR**

Kajian literatur mencadangkan bahawa idea refleksi bertitik tolak daripada pemikiran aliran konstruktivisme tentang bagaimana seseorang individu belajar. Seseorang individu akan membina pengetahuan dan pemahamannya yang tersendiri menerusi pelbagai refleksi terhadap pengalaman-pengalaman tersebut. Seseorang guru yang konstruktivis akan menggalakkan situasi pembelajaran sepanjang masa. Beliau akan melihat bagaimana aktiviti yang disediakan untuk murid-murid boleh diperbaiki.

Apakah kerangka refleksi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran? Gibbs (1988) berpendapat bahawa tindakan membuat refleksi adalah peri laku membuat peta minda terhadap apa yang telah dilakukan di dalam kelas. Proses refleksi akan membolehkan seseorang guru belajar tentang asas pembelajaran. Menurut Schon (1983), proses refleksi yang dilakukan oleh ahli profesional akan membolehkan beliau terlibat di dalam perkembangan profesionalisme yang berterusan. Refleksi akan membolehkan guru untuk mengenalpasti pelbagai kaedah baru yang berguna untuk memperbaiki amalan pengajaran. Beberapa model refleksi yang digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah Model Gibbs dan Model Kitaran Pembelajaran Kolb.

Model Kitaran Pembelajaran Kolb (1984) menggariskan beberapa pendekatan membuat refleksi. Di antara tahap-tahap refleksi yang dicadangkan di dalam Model Kitaran Pembelajaran Kolb ialah:

- i. Pengalaman secara konkrit
- ii. Pembentukan konsep-konsep yang abstrak dan membuat generalisasi; dan
- iii. Menguji implikasi konsep di dalam keadaan yang baru.

Justeru itu model Kitaran Pembelajaran Kolb menyarankan bahawa refleksi di dalam konteks pendidikan penting untuk membolehkan kita mengetahui tentang pola tindakan yang berlaku di dalam sesebuah sekolah. Pendekatan refleksi membolehkan guru untuk membentuk konsep-konsep yang abstrak dan digunakan ketika membuat generalisasi.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengalaman yang dilalui oleh guru-guru pelatih terhadap proses pengajaran dan pembelajaran menerusi refleksi. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tentang sikap guru-guru pelatih terhadap PBS.

## Latar Belakang Program PBS

Bahagian Pendidikan Guru telah mencari pelbagai usaha dalam proses menjadikan latihan perguruan lebih bercorak *contextual dan situated*. Hasrat ini diharapkan agar guru lulusannya bukan sahaja kukuh dari segi teori bahkan dapat melihat sesuatu isu dan teori pendidikan dalam konteks sekolah sebenar. Oleh itu, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-163 pada 21 Februari 2003 Bahagian Pendidikan Guru telah bersetuju bahawa program PBS KPLI Sekolah Rendah diperkenalkan kepada guru siswazah yang mengajar di sekolah rendah. Pengalaman professional di sekolah adalah melalui Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) dan Praktikum. Trend kini dalam latihan perguruan ialah mendekati lagi guru pelatih kepada situasi sebenar sekolah.

Latihan perguruan di *University La Trobe dan University Western Sdney Australia* khususnya pelajar *Post Graduate certificate Education (PGCE)* banyak menekankan aspek PBS selain daripada pengalaman professional (Praktikum). Jangka masa penempatan sehari atau dua hari seminggu di sekolah sepanjang semester pertama telah membantu guru pelatih melihat amalan pendidikan di sekolah yang ada kaitan dengan bidang yang dipelajari di Universiti. Pengalaman tersebut dijadikan bahan perbincangan sekembali ke kampus dan akhirnya dapat melahirkan ilmu binaan (*grounded theory*) berkaitan dengan pendidikan keguruan dalam diri guru pelatih. Aktiviti membina ini wajar diperkenalkan dalam sistem pendidikan keguruan masa kini.

## Pernyataan Masalah

Guru pelatih telah sekian lama didedahkan kepada sistem bahawa mereka akan mengajar di sekolah kebangsaan atau sekolah menengah setelah tamat latihan perguruan mereka. Justeru itu, guru-guru pelatih KPLI Bahasa Tamil SR berhadapan dengan masalah bahawa mereka tidak mempunyai keyakinan ketika berada di sekolah (temubual dengan guru-guru pelatih KPLI). Mereka juga akan menghadapi masalah untuk mengajar pelajar-pelajar dari kumpulan kaum yang berbeza di sekolah tersebut. Guru pelatih beranggapan bahawa lawatan ke sekolah menerusi program PBS akan berbeza dengan cara pengajaran di sekolah Tamil sepertimana yang sedia berlaku pada amalan-amalan yang lepas.

## Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan satu pendedahan awal kepada mereka dan memberikan rasa yakin untuk menjalani praktikum. Kehadiran pelajar adalah 100%. Pihak pentadbiran sekolah telah memberikan kerjasama penuh dan begitu juga dengan guru-guru pembimbing telah memberikan banyak pendedahan dan bimbingan kepada pelajar-pelajar KPLI SR sepanjang program ini. Kajian ini akan membolehkan penyelidik mengenalpasti tentang pengalaman yang dilalui oleh guru-guru pelatih KPLI SR yang mengikuti program PBS.

## Istilah Kajian

### Pengalaman Berasaskan Sekolah

IPRM telah melaksanakan PBS pertama kalinya pada tahun 2003 iaitu ambilan Januari 2003. Program tersebut telah menempatkan seramai 100 orang pelajar menjalani program PBS yang ditempatkan di 16 buah sekolah Rendah di Seremban pada ketika itu dan pada tahun 2004,

seramai 271 orang pelajar menjalani PBS di 37 buah sekolah rendah di daerah Seremban iaitu 27 buah sekolah Kebangsaan, 5 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan 5 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Seramai 205 dan 143 orang pelajar telah menjalani program ini pada tahun 2005 dan tahun 2006. Seramai 270 orang guru pelatih telah menjalani program ini pada tahun 2007.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan penulisan (buku log). Kajian telah dijalankan ke atas 6 orang guru pelatih selama 2 minggu. Guru pelatih yang terlibat di dalam kajian adalah merupakan guru yang mengikuti program PBS di salah sebuah sekolah di Selangor. Para guru pelatih telah diminta untuk menulis tentang pengalaman mereka ketika mereka berada sepanjang waktu persekolahan selama 2 minggu. Kesemua guru pelatih adalah guru pelatih KPLI beropsyen Bahasa Tamil (sebagai mata pelajaran Major) dan Sains (sebagai mata pelajaran Minor). Seramai 4 daripada 6 orang responden pernah bertugas sebagai guru bahasa Tamil di sekolah rendah sebelum mereka mengikuti kursus KPLI.

Penyelidik telah memberikan arahan kepada guru pelatih untuk merekodkan segala pengalaman dan pemerhatian mereka ke atas proses pengajaran. Di samping itu, guru pelatih terbabit akan merekodkan pemerhatian ke atas persekitaran sekolah (dari aspek aktiviti yang dijalankan). Guru pelatih akan mencatatkan maklumat dan pengalaman mereka ke dalam buku log. Penyelidik memeriksa catatan oleh guru pelatih pada setiap kali perjumpaan bersama dengan guru pelatih. Penyelidik menggunakan peluang lawatan sosial untuk merungkai pandangan yang telah dikemukakan oleh guru pelatih. Hasil temubual dianalisis di dalam bentuk transkrip.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini akan diterangkan di dalam tiga kerangka iaitu:

- a. Persekitaran fizikal
- b. Pengajaran Bahasa Tamil
- c. Pendedahan Sosial Mengajar

### **Persekitaran Fizikal**

Didapati berdasarkan kepada maklumat daripada responden, kesemua responden berpendapat bahawa sekolah mereka menjalani program PBS menyediakan struktur persekitaran yang menarik. Responden menyatakan bahawa keadaan persekitaran sekolah adalah kondusif dan menggalakkan mereka mengajar. Dari sudut fizikal, sekolah tersebut mempunyai kelengkapan asas dan kemudahan yang baik. Jika ditinjau dari aspek bilik darjah pula, sekolah tersebut juga menyediakan kelas yang lengkap dengan papan kenyataan. Papan kenyataan membolehkan guru kelas dapat menyusun papan kenyataan dengan maklumat akademik yang berguna kepada pelajar. Responden juga menyebut bahawa kebanyakan papan kenyataan di sekolah tersebut dilengkapi dengan pelbagai bahan untuk paparan murid. Selain itu, responden berpendapat bahawa sekolah kebangsaan menikmati pelbagai kemudahan seperti kantin yang sempurna, struktur bangunan yang berbentuk kompleks yang membolehkan sekolah tersebut mempunyai persekitaran yang teratur.

## Pengajaran Bahasa Tamil

Responden mendapati bahawa pengajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan sangat mencabar. Ini adalah guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil berusaha bersungguh-sungguh untuk membolehkan pelajar untuk menguasai bahasa Tamil. Di dalam sesetengah kes, responden mendapati bahawa guru hanya mampu mengajar beberapa konsep asas Bahasa Tamil seperti perbualan asas. Penekanan kepada penulisan masih belum berjalan dengan lancar. Seorang responden menjelaskan:

*Pemerhatian saya ke atas seorang guru yang mengajar di dalam kelas menarik perhatian saya. Saya memerhatikan guru tersebut mengajar selama 20 minit. Guru tersebut mendapati sukar untuk mengulang-ulang perkataan yang sama. Perkataan tersebut telah diajar kepada murid-murid sebelum ini. Namun pelajar masih tidak dapat menyebut dengan baik. Keadaan ini berterusan sehingga kelas berakhir (Buku Log).*

Responden berpendapat bahawa suasana di dalam kelas sangat aktif. Ini kerana murid-murid dari bangsa yang lain berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang bahasa Tamil. Responden menambah:

*Ramai pelajar berbangsa Melayu yang berminat untuk mengetahui tentang perkataan-perkataan baru. Mereka tidak tahu menyebut perkataan tersebut. Mereka juga menghadapi masalah untuk menyebut perkataan tersebut kerana mengalami kesukaran. Maka kelas tersebut kucar-kacir kerana pelajar berebut-rebut untuk mengulang perkataan yang telah disebut dengan salah. Ada kalanya mereka ketawa dan kelas tersebut bising (Buku Log).*

Guru yang mengajar juga menggunakan pendekatan menggunakan carta untuk membolehkan pelajar memahami konsep yang ingin diajar. Responden menyebut bahawa guru sekolah tersebut bersikap aktif dan proaktif untuk menyediakan bahan-bahan yang sesuai digunakan di dalam kelas Bahasa Tamil. Kehadiran responden telah menjadi inspirasi kepada guru lain untuk berkongsi pengalaman tentang kaedah mengajar bahasa Tamil yang sesuai.

## Pendedahan Sosial Mengajar

Responden juga berpendapat bahawa program PBS mengajar mereka untuk melihat sekolah kebangsaan dan cara pengendalian kelas Bahasa Tamil. Responden bersetuju kaedah pengajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan merupakan cara untuk menerapkan pembelajaran bahasa ini kepada semua kaum. Menerusi lawatan dan pemerhatian di sekolah, responden dapat mengetahui tentang cara pengajaran mata pelajaran tersebut di sekolah. Namun 3 orang responden berpendapat bahawa jangka masa selama 2 minggu di sekolah tersebut adalah terbatas. Justeru itu mereka berpendapat masa yang lebih lama harus diberikan kepada guru pelatih untuk menjalani program PBS. Seorang responden menulis:

*Sukar untuk melakukan kerja ini (menyediakan sebuah bilik khas untuk mata pelajaran Tamil) memandangkan terpaksa buat setting dahulu. Kalau kita berada lama di sekolah ini, tak apa juga. Bagaimana kita nak buat projek ini? Mungkin sekerat sahaja. Selepas itu kita terpaksa pass kan kerja ini kepada guru lain (Buku Log)*

Buku Log responden merekodkan bahawa guru pelatih di sekolah ini telah diberikan tugas untuk menyediakan satu bilik mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah. Bilik ini bertujuan untuk

melatih murid-murid menguasai kemahiran bertutur bahasa Tamil. Justeru itu, persediaan setting bilik telah diberikan kepada guru-guru tersebut.

### CADANGAN KAJIAN

1. Kaedah pengajaran Bahasa Tamil di kalangan guru perlu dimantapkan agar pelajar mendapat faedah yang maksima. Ini boleh dilakukan dengan melibatkan pelajar di dalam perbualan ketika sesi perhimpunan pagi. Guru besar sekolah boleh memainkan peranan dengan menggalakkan pelajar untuk bertutur di dalam Bahasa Tamil pada hari-hari tertentu.
2. Di dalam melaksanakan pengajaran Bahasa Tamil di sekolah, pendekatan mengajar yang menekankan kaedah kumpulan harus diterapkan di dalam proses pengajaran. Dengan cara ini pelajar dalam berbual dengan rakan-rakan pelajar lain yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Kaedah kumpulan didapati lebih relevan untuk membantu pelajar untuk belajar bertutur jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran perkataan demi perkataan.
3. Guru pelatih diberikan masa yang lebih lama untuk berada di sekolah bagi membolehkan mereka mengetahui dan belajar tentang pelbagai kemahiran di sekolah.

### PENUTUP

Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa responden mendapat pengalaman yang positif ketika menjalani Program PBS di sekolah kebangsaan. Walaupun guru-guru pelatih KPLI SR menjalani latihan di sekolah kebangsaan, namun refleksi ke atas pengalaman yang dilalui sepanjang 2 minggu di sekolah memberi maklumat berguna kepada mereka sebelum mereka menjalani praktikum selama 3 bulan. PBS berguna kepada pelajar untuk membolehkan guru meneroka pelbagai pengalaman dan kemahiran yang diperlukan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### BIBLIOGRAFI

- Dewey, J. (1933). *How we think. A restatement of the relations of reflective thinking to the educative process.* Boston: D.C. Heath.
- Richert, A. E. (1990). Teaching teachers to reflect: A consideration of programme structure. *Journal of Curriculum Studies*, 22(6), 509-527.
- Schon, D. A (1983) *The Reflective Practitioner: How professionals think in action* London: Temple Smith
- Gibbs, G. (1988) *Learning by Doing: A guide to teaching and learning methods.* Oxford: Further Education Unit, Oxford Brookes University
- Kolb, D. A. (1984) *Experiential Learning: Experience as the source of learning and development.* New Jersey: Prentice Hall.